



DR. Mahathir Mohamad bersalaman dengan para pelajar USIM.

# Dr. Mahathir di USIM

**L**EBIH 7,000 termasuk tetamu kehormat, pelajar, pensyarah, kakitangan Universiti Sains Islam (USIM) dan masyarakat setempat hadir memenuhi Stadium Tertutup Nilai untuk mendengar Syarahan Perdana bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Lapan tahun yang lalu, Dr. Mahathir pernah hadir ke kampus USIM di Nilai ketika majlis pecah tanah pada 11 Ogos 2002 dan ketika itu kawasan ini adalah sebuah pekan kecil.

Namun kedatangan beliau kali ini berbeza melihat USIM berdiri segak di kampus nilai yang sudah berubah wajah sebagai bandar ilmu berdekatan lingkaran koridor raya multimedia.

Pidato selama satu jam 15 minit yang disampaikan oleh Tun Mahathir di atas tajuk "Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Ilmu Islam : Antara realiti dan Cabaran Masa Depan" menggambarkan bahawa idea dan buah fikirannya tidak dimamah usia.

Dr. Mahathir memulakan syarahan beliau dengan mengungkapkan definisi Ilmu Islam berdasarkan ayat pertama turunnya Al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W iaitu kalimah Iqra'. Sejarah Islam dibedah oleh beliau dengan menceritakan kehebatan tamadun Islam telah menggunakan ilmu untuk menguasai dunia seterusnya mencetuskan tamadun unggul hingga terbinanya Baitul Hikmah.

Syarahan Dr. Mahathir Mohamad yang julung-julung kalinya diadakan di USIM

bersempena dengan sambutan 10 Tahun USIM. Tidak ketinggalan dalam syarahan ini yang turut hadir ialah Mantan Menteri di jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman dan Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda.

Muhamad menyifatkan syarahan itu cukup bermakna bagi USIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang bergerak melahirkan teknokrat Islam abad ini.

"USIM berbesar hati menyambut kedatangan Tun dan menyampaikan syarahan perdana sempena sambutan 10 Tahun USIM. Segala apa yang diperkatakan oleh Tun akan dihalusi dan dihayati dalam membina USIM sebagai institusi pengajian Islam tersohor," katanya.